

-Mahathir:- Rakyat Kelantan membuat putusan yg tepat

KUALA LUMPUR, Ahad — Kemenangan besar Barisan Nasional dan Berjasa dalam pilihanraya di Kelantan kelmarin merupakan pertanda baik bagi masa depan di mana dapat dilakukan sebarang perbalahan politik yang hanya boleh menghalang pembangunan di negeri itu.

Demikian ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengulas mengenai keputusan pilihanraya tersebut.

Belliau berkata, belliau 'amat gembira' dengan keputusan itu yang bererti para pengundi di Kelantan telah menilai semula usaha Pas selama ini. "Rakyat Kelantan telah melihat hasil pentadbiran lalu dan tidak lagi terpengaruh dengan kata-kata manis para pemimpin Pas," katanya.

Dalam pilihanraya kelmarin, rakyat Kelantan yang selama ini merupakan kubu kuat Pas sejak 19 tahun lalu, telah mengundi Barisan Nasional bagi membolehkan kerajaan negeri.

Barisan Nasional memenangi 23 kerusi dari 36 kerusi yang ditandingkan, Berjasa 11 kerusi dan Pas dua kerusi.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan Barisan Nasional akan melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan akan menimbangkan permohonan bagi projek-projek baru.

"Kami akan menimbang permintaan tertentu jika wajar dan sekiranya terdapat wang yang cukup," tambah belliau.

"Apa yang penting ialah kita akan mempunyai sebuah kerajaan yang lebih cekap dan jujur di Kelantan."